S3

KEMASKINI MAKLUMAT PERIBADI
Jabatan Pendaftar
Telah Dihantar: 03 April 2011 17:39
Kepada: UUM - All Staff

3 APRIL 2011
29 RABIUL AKHIR 1432H

UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

HEBAHAN PENDAFTAR, 3 APRIL 2011:
KEMASKINI MAKLUMAT PERIBADI

Makluman kepada semua staf UUM.

Untuk makluman, kelayakan perubatan untuk anak kandung, anak angkat dan anak tiri (yang didaftarkan sahaja) adalah setakat tarikh lahir genap 18 tahun kecuali bagi anak-anak yang melanjutkan pelajaran ke IPTA dilanjutkan sehingga genap 21 tahun. Staf perlu mengemukakan surat tawaran dari IPTA untuk dikemaskini. Bagi staf yang mempunyai anak yang dikategorikan sebagai Orang Kurang Upaya (OKU), sila kemukakan surat sokongan @ salinan kad OKU ke Jabatan ini untuk direkodkan kerana anak-anak OKU akan mendapat kemudahan rawatan sepanjang hayat.

Staf yang belum mengemaskini status perkahwinan dan kelahiran anak, sila kemukakan salinan surat nikah dan salinan sijil lahir anak untuk dikemaskini dalam maklumat peribadi bagi kemudahan rawatan di semua Hospital Kerajaan, Pusat Kesihatan Universiti dan Klinik Panel perubatan dan pergigian yang dilantik oleh UUM. Bagi staf yang telah bercerai, sila kemukakan surat cerai untuk direkodkan didalam sistem PERSIS kerana sekiranya rekod perkahwinan masih aktif sedangkan tuan/puan telah berpisah, pasangan tuan/puan akan layak menggunakan semua kemudahan perubatan yang ada.

Semua maklumat di atas hendaklah dikemukakan kepada Unit Rekod/HRMIS Jabatan Pendaftar untuk dikemaskini.
Sebarang kemusykilan sila hubungi :

1. En. Ibrahim Hanapi - 4026
2. Pn. Ainon Mazura bt. Abu Seman - 3049
3. Pn. Siti Marhashidah bt. Omar - 3035

Sekian, harap maklum.